

Gila Internet hingga lupa belajar

Siswa tahun dua resah banyak buang masa



? Saya siswa tahun dua di salah sebuah institusi pengajian tinggi awam dan mempunyai masalah berkenaan diri. Sejak saya mula memasuki semester ketiga, sifat malas semakin menebal.

Baru-baru ini, saya dan rakan serumah membeli WiFi untuk kemudahan bersama. Tetapi sejak adanya perkhidmatan ini di rumah, saya semakin leka dan lalai dalam pelajaran.

Apabila pulang dari kelas atau kuliah, saya mula membuka Internet dan laman sosial walhal tiada kepentingan.

Tidak dapat dinafikan, apabila saya membuka Facebook misalnya, banyak maklumat yang saya peroleh seperti berita terkini sama ada dari dalam atau luar negara. Tapi masalahnya saya akan terus terleka menyebabkan tugas perlu dibuat tertangguh.

Sebelum ini, saya ada menggunakan jalur lebar namun ia lambat untuk mengakses menyebabkan saya jarang melayari Internet. Kadangkala saya akan melayari Internet sehingga lewat malam.

Timbul juga perasaan bersalah di dalam diri kerana tidak melakukan aktiviti yang berfaedah untuk diri sendiri.

Saya ingin meminta pendapat doktor bagaimana cara yang boleh saya lakukan untuk mengatasi masalah ini.

**SUSAH HATI,
Pulau Pinang**

! Terima kasih kerana berkongsi masalah ini. Pertama syukur kepada Allah kerana adik diberi peluang untuk menuntut di universiti sebagai siswa yang mana akan memperoleh pengalaman berharga sebagai insan berguna kelak.

Tidak dinafikan sebagai pelajar terdapat ujian dan cabaran untuk berjaya sama ada ujian persekitaran dan juga yang datang daripada diri kita sendiri.

Berkenaan dengan isu yang dikongsikan, adik sudah pun dapat mengenal pasti apa yang sedang dihadapi iaitu diri adik sendiri.

Memang benar, kemudahan mengakses Internet

termasuklah media sosial adalah ujian berbentuk persekitaran luar bagi diri adik untuk lebih menumpukan kepada pelajaran dan kehidupan yang lebih bermanfaat.

Namun, hanya adik mampu mengawal diri sendiri untuk menentukan aktiviti yang lebih berfaedah berbanding melayari laman sosial untuk jangka masa lama. Adik terlalu taksud dengan aktiviti itu sehingga lalai.

Mungkin adik masih kurang jelas dengan apa yang ingin dicapai dalam hidup sebagai matlamat utama. Matlamat yang jelas membaratkan adik untuk mengatur aktiviti sesuai dengan apa yang ingin dicapai pada satu masa nanti.

Malah, adik tidak akan mudah terganggu dengan aktiviti melalaikan. Lakukan juga skrip kehidupan yang memberi semangat pada diri sendiri untuk melakukannya secara berterusan.

Ibu bapa pandang rendah pada tunang

? Saya sering menangis mengenangkan nasib. Pemikiran ibu bapa saya berbeza dengan pandangan hidup saya. Mereka terdiri daripada kakitangan kerajaan sehinggalah mereka mahu semua anak dan bakal menantunya memasuki perkhidmatan awam.

Saya kini bertunang hampir dua tahun. Sememangnya dari mula lagi kedua-dua ibu bapa saya tidak merestui pertunangan ini dengan alasan ketika itu saya masih belajar.

Ibu bapa meminta saya bekerja dulu barulah mengikat tali pertunangan. Sementara itu di pihak lelaki, saya diminta untuk bertunang selama setahun saja.

Masalah menimpa kali kedua apabila pihak lelaki tidak memberi duit hantaran menyebabkan keluarga saya benar-benar marah. Apatah lagi, pihak lelaki langsung tidak datang berbincang.

Saya sudah lama terlanjur dengan tunang. Tunang

saya itu pula bekerja di sektor swasta. Ini menambahkan lagi masalah apabila ibu bapa saya memang lebih suka jika tunang adalah kakitangan kerajaan.

Keluarga tunang daripada golongan sederhana berbanding dengan kehidupan ibu bapa saya yang agak mewah. Sikap mereka yang selalu memperlekeh kehidupan orang susah mengecewakan saya.

Pernah juga tunang ajak untuk bernikah menggunakan wali hakim. Saya tidak bersetuju. Saya masih inginkan ayah menjadi wali untuk menikahkan saya.

Saya tahu dosa dan balasan terlanjur. Lantaran itu saya mahu bernikah cepat untuk mengelakkan lagi perkara buruk daripada berlaku antara saya dan tunang.

**GADIS DALAM DILEMA,
Kuala Lumpur**

! Terima kasih atas perkongsian ini dan berharap adik sentiasa di dalam

lindungan Allah selalu. Adik berhadapan dengan halangan daripada keluarga untuk mendirikan rumah tangga yang dituntut agama.

Selain itu, adik juga berhadapan dengan dua keadaan yang berbeza mengenai cara hidup. Ia adalah keadaan yang tidak dapat dielakkan kerana lazimnya perkahwinan itu adalah satu ikatan yang menghubungkan dua buah keluarga berbeza latar belakang, dalam semua segi.

Perkara itu yang banyak mempengaruhi dalam memberikan persepsi mengenai sesuatu perkara. Oleh itu, adalah bergantung kepada kita bagaimana untuk menghadapi situasi ini dengan bijak.

Tidak dinafikan restu keluarga itu penting. Namun sebagai anak, Dr yakin adik tentu faham mengapa sesetengah ibu bapa berpandangan bekerja di sektor kerajaan lebih terjamin berbanding sektor swasta.

Pandangan ini harus diperbetulkan kerana jaminan

rezeki dan kesejahteraan hidup kita kelak adalah ketentuan Allah. Ia bukan ditentukan di mana kita bekerja atau jawatan apa yang disandang.

Perkara itu sangat jelas dan berkait dengan kepercayaan kita kepada qada dan qadar kepada Allah.

Berkenaan dengan ketelanjuran itu, adik harus segera bertaubat memohon ampun kepada Allah untuk membersihkan diri daripada dosa dan noda.

Seterusnya, perlu untuk berterus tentang dengan keluarga mengenai perkara ini sebelum hal yang tidak diinginkan berlaku.

Adik juga perlukan banyak berdoa dan bertawakal kepada Allah yang memberikan ujian. Dia adalah sumber kekuatan dan tempat untuk kita sandarkan segala harapan.

Dr doakan adik mendapat jodoh yang terbaik untuk diri selain kebahagiaan keluarga juga kehidupan dunia dan akhirat.

